



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

DOF BINA 34 TUKUN TIRUAN DI PULAU LIMA, JOHOR

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melabuhkan sebanyak **34 buah tukun rekreasi dan tukun udang kara** pada kedudukan 1 batu nautika dari Pulau Lima bertujuan untuk aktiviti memancing bagi penduduk pulau tersebut.
2. Pulau Lima merupakan sebuah **kepulauan baharu yang dicadangkan untuk pewartaan** sebagai salah satu Taman Laut Johor. Ia merupakan sebahagian daripada komponen projek Rancangan Malaysia ke-11 iaitu Penubuhan dan Pewartaan Kawasan Taman Laut Baharu dan Mengukuhkan Sosio Ekonomi Komuniti.
3. Bagi tujuan ini, sebanyak **RM480 ribu telah diperuntukkan** bagi pembangunan tukun tiruan yang menjangkakan pulangan hasil yang berlipat ganda, apabila tukun ini dapat mencegah pencerobohan pukat tunda. Seperti yang kita sedia maklum, penggunaan pukat tunda boleh memusnahkan terumbu karang yang menjadi habitat kepada sumber perikanan bernilai tinggi.
4. Projek ini juga akan memberi manfaat yang besar kepada penduduk **Tanjung Leman dan Sedili** di tanah besar. Tukun yang dilabuhkan akan menjadi **habitat baharu** di kawasan sekitar pulau dan menjadi sumber protein kepada penduduk dengan kos rendah. Secara tidak langsung, manfaat ini memberi keuntungan dan impak positif kepada negeri Johor keseluruhannya.
5. Ianya adalah sebagai sebahagian usaha DOF dalam melaksanakan 10 dari 20 sasaran di bawah **Pelan Strategi Biodiversiti 2011-2020 dan Sasaran Biodiversiti Aichi (Aichi Biodiversiti Targets)**, yang membawa visi **“living harmony with nature”** di mana **menjelang tahun 2050**, sumber biodiversiti adalah dihargai, dipulihara dan digunakan secara bijaksana.

6. Antara sasaran yang berkait rapat adalah; **Sasaran 6: Sustainable Management of Marine Living Resources**, **Sasaran 11: 10% Of Coastal And Marine Areas Protected As MPA or Through Other Effective Conservation Measures**, **Sasaran 14: Safeguard Ecosystem Services** dan **Sasaran 15: Restore Ecosystem And Enhance Resilience**.
7. Usaha ke arah **pewartaan taman laut baharu Pulau Lima** ini telah dimulakan sejak 2016 dengan kajian biologi dan sosio ekonomi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perairan ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam menjamin kelestarian sumber akuatik.
8. **Daripada 114 spesies karang yang ditemui, 13 spesies dikategorikan sebagai Vulnerable dan 4 spesies sebagai Rare oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN)**. Litupan karang hidup di kawasan ini juga dilaporkan pada tahap baik iaitu antara 50% - 77%.
9. Pewartaan taman laut baharu ini juga akan menyumbang kepada usaha Jabatan dalam menangani isu-isu yang menyebabkan penyusutan stok ikan negara. Agenda **memperkasakan pengurusan sumber perikanan negara** telah menjadi keutamaan DOF dalam melestarikan sumber akuatik negara bagi menjamin sumber ekonomi nelayan tempatan. Projek ini diyakini akan memberi sumbangan secara tidak langsung kepada sektor ekonomi yang lain seperti ekopelancongan.
10. Bagi tujuan pewartaan ini, sebanyak lima sesi konsultasi telah diadakan bersama penduduk setempat serta pihak berkepentingan yang akan terkesan. Dua sesi konsultasi juga diadakan bersama Kerajaan Negeri Johor. Cadangan ini telah memperoleh sokongan daripada semua pihak berkepentingan. Jabatan berharap agar perairan ini boleh diwartakan pada tahun 2020.
11. Program selama 2 hari ini melibatkan **YB Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani** dalam lawatan kerja bagi melihat keadaan dan persekitaran taman laut yang ada di Johor iaitu Pulau Tinggi, Pulau Sibul dan Pulau Besar. Antara aktiviti sepanjang program adalah pelancaran tukun, tinjauan ke projek restorasi/tukun dan lawatan ke pusat hatcheri penyu di Batu-Batu Resort.

12. Ianya juga adalah selaras dengan Sambutan Hari Taman Laut yang diadakan pada 20 Oktober setiap tahun supaya masyarakat dapat menjiwai rasa kecintaan yang tinggi terhadap biodiversiti marin dan kelestarian sumber perikanan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

16 Oktober 2019 (Rabu) jam 2.30 petang.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my